

Headline	Dua OKU berjaya ke UUM		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Sep 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	47	ArticleSize	332 cm ²
AdValue	RM 1,826	PR Value	RM 5,478



Dua OKU berjaya ke UUM

Kekurangan diri tidak halang kejar ilmu

MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI

ALOR SETAR – Keadaan fizikal kurang sempurna tidak menghalang dua pelajar orang kurang upaya (OKU) untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT).

Masing-masing yang berasal dari Sabah memilih Universiti Utara Malaysia (UUM) kerana ingin mendalami bidang pengurusan pentadbiran perniagaan dan pengurusan teknologi. Seorang penuntut buta, Harzhiah Khalid Yunus, 22, berkata, dia memilih melanjutkan pengajian di IPT kerana universiti ber-

kenaan mempunyai kemudahan yang pelbagai untuk semua pelajar, termasuk golongan OKU.

“Pada saya, setiap masalah ada penyelesaiannya. Apa juga cabaran yang datang, akan saya ambil sebagai pengalaman bermakna dalam hidup demi mencapai cita-cita saya menjadi seorang ahli perniagaan,” katanya.

Harzhiah yang merupakan penerima biasiswa Yayasan Pendidikan Bumiputera Sabah berkata, sebelum membuat keputusan melanjutkan pe-

ngajian ke IPT, dia turut mendapatkan serba sedikit maklumat dan pandangan daripada guru dan rakan sekolah sebagai persediaan.

Sementara itu, Elvy Nellysha Baheman, 20, yang mengalami masalah pendengaran sejak kecil amat gembira kerana diberikan peluang melanjutkan pengajian seperti insan sempurna yang lain.

Katanya, kekurangan yang dihadapi tidak pernah dijadikan sebagai alasan kerana keluarga banyak memberi sokongan untuknya melanjut-

kan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

“Tidak ada masalah untuk belajar kerana ada alat bantuan pendengaran untuk memudahkan saya. Kalau ada pelajaran yang terlepas dalam kelas, biasanya saya akan buat ulang kaji di rumah atau rujuk dengan rakan lain agar tidak ketinggalan,” katanya.

Mengambil pendekatan membaca gerak bibir untuk memahami perbualan, dia memilih untuk melanjutkan pengajian dalam bidang pengurusan teknologi.



Harzhiah (dua, kanan) mendengar penerangan daripada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar UUM, Prof Madya Dr Mohd Amy Azhar Mohd Harif (kanan) mengenai kaedah penggunaan salah satu peralatan kemudahan OKU.

Headline	Dua OKU berjaya ke UUM		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Sep 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	47	ArticleSize	332 cm ²
AdValue	RM 1,826	PR Value	RM 5,478



Harziah (dua, kanan) diberi taklimat ringkas semasa sesi pendaftaran di UUM, baru-baru ini.